

Hubungan Efikasi Kendiri dengan Pembelajaran Regulasi Kendiri Murid Sekolah Menengah

(The Relationship Between Self Efficacy With Self- Regulation Learning Of High School Students)

Martina Rabai Anak Lee^{1*} , Salleh Amat²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: avey1216@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: sallehba@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Martina Rabai Anak Lee
(avey1216@gmail.com)

KATA KUNCI:

Efikasi kendiri
Pembelajaran regulasi kendiri
Murid sekolah menengah

KEYWORDS:

Self-efficacy
Self-regulation learning,
High school students

CITATION:

Martina Rabai Anak Lee & Salleh Amat.
(2022). Hubungan Efikasi Kendiri Dengan Pembelajaran Regulasi Kendiri Murid Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001342.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1342>

ABSTRAK

Kemahiran yang dimiliki murid untuk mengatur pembelajarannya dengan sistematik dan berkesan bagi mencapai matlamat utama pembelajarannya merupakan antara pembelajaran regulasi kendiri. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengenal pasti hubungan efikasi kendiri dengan pembelajaran regulasi kendiri murid sekolah menengah. Sampel kajian ini terdiri daripada 50 orang murid dari sekolah menengah di Bintulu, Sarawak. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan efikasi kendiri dengan pembelajaran regulasi kendiri murid sekolah menengah. Pelajar yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi mampu untuk mencapai tahap akademik yang baik dalam pembelajaran. Kolerasi Pearson r digunakan untuk menganalisis data kajian. Keputusan pekali Kolerasi Pearson r menunjukkan bahawa terdapat kolerasi yang signifikan antara efikasi kendiri dengan pembelajaran regulasi kendiri murid ($r = .70$ dan $p = .000$ sig < $.01$). Terdapat kolerasi di antara dua variabel, kolerasi yang signifikan adalah : $p < .01$. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan penyelidikan perintis dalam melonjakkan lagi keyakinan diri pelajar untuk meningkatkan kecemerlangan akademik di Malaysia dan menghasilkan generasi murid yang cekal dalam menghadapi cabaran globalisasi ilmu tanpa mengenal erti berputus asa demi kecemerlangan diri.

ABSTRACT

Self regulation learning is the ability of students to manage theirs learning with systematic and effectively toward achieve the main goal of their learning. Hence, this study aims to identify the relationship between self efficacy with self-regulation learning of high school students. This study presents a quantitative approach based on survey design. The random sampling method is easy to use and a total of 50 students from secondary school at Bintulu, Sarawak has been selected as a sample of this study. The findings show

there was relationship between self efficacy and self regulation learning of high school students. Students who have the high level of self efficacy will be able to achieve a good academic level in their learning. From the findings showed that there was a significant relationship between the self efficacy and self regulation learning ($r = 70$, $p = .000$ sig < 0.01). There are colleration between two variables, which is the significant colleration : $p = < 0.01$. As such, this study can be used as a source of reference especially on educational institutions and students towards develop their confidences in order to enhance academic excellent at Malaysia. Besides, producing a generation of resilient in global challenges.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini dapat menyumbang kepada literatur sedia ada untuk bagi memahami tahap efikasi sendiri murid dalam pembelajaran. Selain itu, kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada guru dalam mengenalpasti hubungan efikasi sendiri dengan pembelajaran regulasi sendiri murid.

1. Pengenalan

Bagi memastikan pelajar terus tekak dalam mendepani arus cabaran globalisasi dan modenisasi dalam ilmu, efikasi sendiri merupakan tunjang utama yang perlu dimiliki oleh seorang pelajar untuk melakar kejayaan dalam pembelajarannya. Regulasi sendiri merupakan faktor psikologi yang semakin diberikan tumpuan oleh pendidik kerana kemahiran dan kebolehan yang dimiliki oleh pelajar ini dapat menyokong dalam pembelajaran secara aktif malah memberikan kesan kepada pencapaian akademik pelajar (Pintrich, 1999; Shunck & Zimmerman, 2012).

Pencapaian akademik pelajar adalah cabaran utama dalam institusi pendidikan di Malaysia. Dasar dalam bidang pendidikan memerlukan pelajar memiliki kualiti yang tinggi dalam pembelajaran. Tidak semua pelajar mampu untuk memiliki pencapaian yang tinggi dalam pembelajaran. Pelbagai isu yang timbul berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan efikasi sendiri dengan pembelajaran regulasi sendiri murid sekolah menengah. Hasil dapatan kajian boleh dijadikan sumber pengajaran dan pembelajaran supaya dapat membantu dalam melonjakkan pencapaian akademik murid. Golongan pendidik perlu menyedari bahawa kesediaan murid dari aspek psikologi amat penting untuk menerapkan pembelajaran regulasi sendiri (Kanammah et al., 2014).

Menurut kajian Jungert dan Rosander (2010) apabila pelajar mempercayai keupayaan diri mereka akan mempunyai motivasi serta berazam untuk melakukan yang terbaik terhadap pembelajaran. Menurut Yusuf (2011), efikasi sendiri menentukan tahap motivasi diri murid dalam memilih strategi pembelajaran yang berkesan. Maka, elemen-elemen yang terdapat dalam efikasi sendiri seperti keyakinan diri, kawalan diri dan sebagainya perlu diterapkan kepada murid agar dapat membantu dalam pembelajaran regulasi sendiri murid. Keyakinan kepada efikasi sendiri murid ini dapat membantu murid untuk menjadi lebih komited dalam melakukan sesuatu tingkah laku bagi mendapatkan hasil yang diinginkan.

Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti sama ada wujud hubungan efikasi sendiri dengan pembelajaran regulasi sendiri dari aspek demografi dan adakah wujud hubungan di antara efikasi sendiri dengan pembelajaran regulasi sendiri murid sekolah menengah.

2. Sorotan Literatur

2.1. Efikasi sendiri

Efikasi sendiri adalah sifat percaya diri individu akan kebolehan dirinya untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran dalam akademik (Bong & Clark, 1999). Teori yang diasaskan oleh Wigfield dan Eccles (2000) menyokong bahawa terdapat hubungan antara efikasi sendiri dengan pembelajaran regulasi sendiri. Efikasi sendiri adalah tonggak utama dalam proses pembelajaran regulasi sendiri pelajar. Justeru, murid yang menjangkakan bahawa dirinya berkemampuan untuk mencapai matlamat pembelajaran yang ditetapkan akan lebih berusaha untuk fokus mencari alternatif bagi memperolehi kecemerlangan dalam pencapaian akademiknya.

Seefeldt (2005) melalui kajiannya, membuktikan bahawa murid yang memiliki efikasi sendiri yang baik cenderung dalam merancang strategi pembelajaran dengan semaksimal yang mungkin. Dapatan ini juga disokong oleh kajian-kajian lepas di mana efikasi sendiri memberikan kesan positif terhadap pembelajaran regulasi sendiri (Samsilah, 2009). Teori efikasi sendiri oleh Bandura (1986), menyatakan efikasi sendiri memberikan kesan kepada motivasi individu. Efikasi sendiri mempengaruhi pilihan dan usaha yang dilakukan serta ketabahan hati seseorang individu dalam mengatasi cabaran, tekanan dan kebimbangan (Pajares, 1997). Manakala, Schunk (1989) menyatakan bahawa keberkesanan diri memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran. Sekiranya tiada keyakinan diri maka mereka tidak akan berusaha untuk mencapai matlamat yang mereka impikan. Secara terperinci, pelajar yang mempunyai kepercayaan diri yang tinggi didapati lebih tabah apabila berhadapan dengan cabaran dan lebih berjaya dalam akademik mereka (Wang & Pape, 2007).

Keyakinan diri dan efikasi sendiri yang tinggi berkemampuan untuk memperolehi tahap kecemerlangan yang tinggi (Alhadabi & Karpinski, 2020; Rakoczy & Hochweber 2019). Individu dapat membina efikasi sendiri yang tinggi sekiranya mereka merasakan diri mereka kreatif (Regier & Savic, 2020). Menurut Liu et al. (2020) serta Moran-Soto dan Benson (2018) hasil motivasi yang berkesan aspirasi pendidikan serta efikasi sendiri pelajar akan menjadi positif. Selain itu, individu yang memperoleh kejayaan dan kecemerlangan di peringkat yang rendah sebelumnya, keyakinan mereka masih di kemuncak apabila menjalani sistem pembelajaran yang lebih tinggi (Moran-Soto & Benson, 2018; Tustyaningsih et al., 2017).

2.2. Regulasi sendiri

Regulasi sendiri merujuk kepada kemahiran individu untuk mengenal pasti keupayaan dalam mendisiplinkan diri dan menguasai ilmu pengetahuan (Pintrich, 2000). Konsep ini meliputi kebolehan dalam pembelajaran dan menguruskan diri secara optimum dalam perhubungan sosial (Pintrich, 1997; Zimmerman, 2000; Boekaerts et al., 2000).

Zimmerman (2002) menyatakan regulasi sendiri adalah aktiviti pembelajaran yang meliputi aspek metakognitif, tingkah laku dan motivasi untuk belajar mengikut

kesesuaian kemahiran dan pengetahuan sedia ada bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh mereka sendiri. Pintrich (2000), regulasi sendiri merujuk kepada kemahiran yang ada dalam diri seseorang bagi menetapkan kemahiran untuk mendisiplinkan diri dan kemampuan menguasai ilmu pengetahuan.

3. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri dengan pembelajaran regulasi sendiri murid sekolah menengah di bahagian Bintulu, Sarawak. Kajian ini menggunakan penyelidikan kuantitatif dan data diperolehi daripada murid-murid sekolah menengah sebagai responden bagi soal selidik yang dilakukan.

Reka bentuk tinjauan (*survey*) dipilih dengan menggunakan borang soal selidik. Kaedah ini sesuai digunakan untuk menjelaskan fenomena yang berlaku. Responden kajian dipilih secara teknik persampelan rawak mudah. Borang soal selidik merangkumi Bahagian A: Demografi, Bahagian B : Efikasi Kendiri dan Bahagian C : Pembelajaran Regulasi Kendiri. Penggunaan Skala Likert 5 point digunakan bagi mendapatkan respon daripada responden. Skala skor jawapan responden bagi setiap dimensi kajian dapat ditunjukkan melalui [Jadual 1](#) di bawah :

Jadual 1 : Skala Pemeringkatan Likert

Skala Likert 5 Points	
Aras	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Kurang Setuju (KS)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

4. Hasil Kajian

Hasil dapatan kajian adalah berdasarkan demografi, efikasi sendiri, dan pembelajaran regulasi sendiri berdasarkan respons sampel yang diperolehi. Data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan SPSS Versi 23.0 dan menganalisis hubungan efikasi sendiri terhadap pembelajaran regulasi sendiri murid.

4.1. Analisis Demografi Responden

[Jadual 2](#) menunjukkan taburan responden mengikut demografi jantina, umur, bangsa dan tempat tinggal. Majoriti responden adalah pelajar perempuan dalam kalangan umur 15 hingga 16 tahun yang tergolong dalam bangsa Melayu tinggal di kawasan bandar.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Demografi

	Lelaki	Perempuan			Jumlah
Jantina	14	36			
Umur	13-14 Tahun	15- 16 Tahun	17 - 18 Tahun		50
	5	27	18		
Bangsa	Melayu	Cina	India	Lain-lain	50
	28	4	0	18	
Tempat	Bandar	Luar Bandar			
Tinggal	45	5			

4.2 Analisis Efikasi Kendiri dengan Pembelajaran Regulasi Kendiri Pelajar

Berdasarkan [Jadual 3](#), skor min menunjukkan Efikasi Kendiri dari aspek bermatlamat adalah min yang paling tinggi (3.59). Manakala Efikasi Kendiri : Bersedia (3.46) adalah skor purata min. Elemen Efikasi Kendiri : Bermotivasi menunjukkan skor min yang paling rendah iaitu 3.42. Efikasi kendiri : bermatlamat adalah tunjang utama berbanding elemen efikasi kendiri yang lain.

Jadual 3: Skor Min dan Sisihan Piawai

Efikasi Kendiri	N	Min	Sisihan Piawai
Bermatlamat	50	3.59	.846
Keyakinan diri	50	3.58	.897
Bermotivasi	50	3.42	.943
Kawalan diri	50	3.48	.852
Bersedia	50	3.46	.687

4.3 Analisis Sample T-Test

Melalui [Jadual 4](#), kajian untuk mengenal pasti perbezaan antara efikasi kendiri dengan pembelajaran regulasi kendiri menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina iaitu $t = -1.203$, $df = 48$, $p = .137 > .05$). Nilai perbezaan min $-.2748$ tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam efikasi kendiri dari aspek jantina.

Jadual 4: Sample T-Test Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	Perbezaan	t	Signifikan
Lelaki	14	3.296	-.2748	-1.203	.137
Perempuan	36	3.574			

4.4. Analisis Hubungan Efikasi Kendiri dengan Pembelajaran Regulasi Kendiri

Analisis Kolerasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara efikasi kendiri dengan pembelajaran regulasi kendiri murid sekolah menengah. Berdasarkan [Jadual 5](#), analisis menunjukkan terdapat kolerasi yang signifikan antara efikasi kendiri dengan pembelajaran regulasi kendiri murid ($r = .70$ dan $p = .000 \text{ sig} < .01$). Terdapat kolerasi di antara dua variabel, kolerasi yang signifikan adalah : $p < .01$.

Jadual 5 : Hubungan Efikasi Kendiri dengan Pembelajaran Regulasi Kendiri

Kategori	r	Sig
Efikasi kendiri Pembelajaran regulasi kendiri	.70	.000

5. Perbincangan Kajian

Kajian menunjukkan terdapat hubungan antara efikasi kendiri dengan pembelajaran regulasi kendiri murid. Dapatan yang diperolehi menyokong andaian bahawa terdapat hubungan antara efikasi kendiri dengan pembelajaran regulasi kendiri dalam kalangan murid sekolah menengah. Melalui dapatan kajian, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina. Faktor demografi seperti jantina, umur, bangsa dan tempat tinggal tidak memberikan kesan kepada efikasi kendiri murid. Efikasi kendiri mempengaruhi pembelajaran regulasi kendiri pelajar. Ini adalah kerana pelajar yang memiliki kemahiran dalam pembelajaran regulasi kendiri mampu untuk menguasai kemahiran mengatur aktiviti pembelajaran dengan baik. Efikasi kendiri pelajar menentukan corak pembelajaran regulasi kendiri pelajar. Pelajar yang memiliki efikasi kendiri yang baik mampu untuk merancang dan menggunakan peluang semaksimal yang mungkin bagi memastikan diri mereka memperolehi kecemerlangan dalam pembelajaran mereka.

Pelajar yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi adalah lebih cenderung untuk menggunakan pelbagai inisiatif bagi mengoptimumkan output pembelajaran masing-masing dengan cara tersendiri. Pelajar-pelajar ini juga akan lebih bermotivasi untuk meregulasikan segala aktiviti pembelajaran mereka bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Selain itu juga, melalui kajian ini menunjukkan bahawa efikasi kendiri amat penting dalam pembelajaran regulasi kendiri pelajar. Pelajar-pelajar yang mempunyai keyakinan diri untuk memperolehi kejayaan akan menunjukkan usaha mereka bagi mencapai matlamat diri mereka. Efikasi kendiri yang baik meningkatkan pembelajaran dan kecemerlangan dalam akademik.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, efikasi kendiri memberikan kesan kepada pembelajaran regulasi kendiri pelajar. Kajian lanjutan boleh dijalankan untuk menghasilkan model secara menyeluruh untuk meramal pembelajaran regulasi kendiri murid sekolah menengah. Model ini perlu mengambil kira aspek efikasi kendiri dan pembelajaran regulasi kendiri pelajar. Seterusnya, kajian lanjutan yang akan datang boleh dilakukan secara lebih menyeluruh dengan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Kajian yang dilakukan adalah untuk mendapatkan maklum balas secara terus melalui kaedah temu bual bersama responden untuk menilai efikasi murid. Justeru, dapatan kajian adalah lebih tepat kerana kaedah kualitatif dapat menyokong kaedah kuantitatif. Lokasi kajian diperluaskan dan menggunakan sampel kajian yang lebih besar dengan melibatkan lebih banyak Sekolah Menengah Kebangsaan di Sarawak.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada pensyarah yang membimbing saya iaitu Dr Salleh Amat serta kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Alhadabi, A. & Karpinski, A. C (2020). Grit, Self-efficacy, achievement orientation goals, and academic performance in University Students. *International Journal of Adolescence and Youth*, 25(1), 519-535. <http://doi.org/10.1080/02673843.2019.1679202>.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Cliffs, New Jersey : Lawrence Erlbaum.
- Boekaerts, M. et al. (2000) Self -Regulation and Academic Learning: Self -Efficacy Enhancing Interventions. Handbook of self-regulation (pp. 631-649) Academic Press.<http://doi.org/10.1016/B978-012109890-2/50048-2>
- Bong, M. & Clark, R.E. (1999). Comparison Between Self-efficacy in Academic Motivation Research. *Educational Psychology*, 34(2), 139-153.
- Jungert & Rosander (2010). Self-Efficacy and Strategy To Influence The Study Environment. *Teaching in Higher Education*, 15(6), 647-659.<http://doi:10.1080/13562517.2010.522080>
- Kanamamah, M. et al. (2014). Pengaruh Faktor Psikologi Terhadap Pembelajaran Regulasi Kendiri Murid Sekolah Rendah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29, 39-54.
- Liu, G., Cheng, G., Hu, J. et al. (2020). Academic Self- efficacy And Postgraduate Procrastination : A Moderated Mediation Model. *Front Psychology*, 11, 1752. <http://doi:103389/fpsyg.2020.01752>. PMID:32793073;PMCID:PMC7393210
- Moran Soto, G., & Benson, L. (2018). Relationship of Mathematics Self -Efficacy and Competence With Behaviors And Attitudes of Engineering Students With Poor Mathematic Preparation. *International Journal of Education in Mathematics, Science And Technology*,6(3), 200-220.
- Pajares, F. (1997). Current Directions in Self-Efficacy Research. In M. Maehr, & P.R. Pintrich (Eds.), *Advances In Motivation and Achievement* (pp1-49). Greenwich, CT: JAI Press.
- Pintrich, P. R. (1997). Current Directions in Self-Efficacy Research. *Advance in Motivation And Achievement*, (pp.1-49). Greenwich, CT : JAI Press.
- Pintrich, P. R. (2000). *The Role of Goal Orientation in Self-Regulated Learning*. Academic Press.
- Pintrich, P.R. (1999). The Role of Motivation in Promoting and Sustaining Self Regulated Learning. *International Journal of Educational Research*, 31, 459-470.

- Rakoczy, K. & Hochweber J. (2019). Formative Assessment in Mathematics : Mediated by Feedback's Perceived Usefulness and Students' Self -Efficacy. *Learning And Instruction, 60*(60), 154-165.<http://doi:10.1016/j.learninstruc.2018.01.004>.
- Regier, P. & Savic M. (2020). How Teaching To Foster Mathematical Creativity May Impact Student Self-efficacy For Proving. *The Journal of Mathematical Behavior, 57*, 100720.<http://doi.org/10.1016/j.jmathb.2019.100720>
- Samsilah, R. (2009). *Hubungan Antara Pembelajaran Aturan Kendiri dan Keyakinan Terhadap Kebolehan Diri Dengan Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi*. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Schunk, D. H. (1989). *Social Cognitive Theory And Self-Regulated Learning*. In B. J. Zimmerman, & D.H. Schunk (Eds.), *Self-regulated Learning and Academic Achievement : Theory, Research and Practice. Progress in Cognitive Development Research (pp. 83-110)*. New York : Springer-Verlag.
- Seefeldt, C. (2005). *Excerpt from Social Studies for The Preschool/Primary Child*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Allyn Bacon Prentice Hall (Pearson Education Inc.)
- Shunck & Zimmerman (2012). Self -Regulation And Learning. *Educational Psychology, 7*. <http://doi.org/10.1002/9781118133880.hop207003>
- Tustyaningsih, Y., Sulistyono, B. A., & Jatmiko (2017). Hubungan Self Efficacy Dengan Kemampuan Matematika Siswa Kelas XI SMK PGRI 1 Kediri. *Journal of Simki, 1-10*.
- Wang, C. & Pape, S. J. (2007). Self _Efficacy Beliefs Learning English As A Second Language. *Journal of Research in Childhood Education, 21*(4), 364-377.
- Wigfield A., & Eccles, J.S. (2000). *Expectancy-Value Theory of Achievement Motivation Contemporary Educational Psychology, 25*, 68-81.
- Yusuf, M. (2011). The Impact of Self -Efficacy, Achievement Motivation, and Self-Regulated Learning Strategies on Students' Academic Achievement. *Proce-dia-Social and Behavioral Sciences, 15*, 2623 - 2626.<http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.04.158>
- Zimmerman, B.J. (2000) Self-Efficacy: An Essential Motive to Learn. *Contemporary Educational Psychology, 25*(1), 82-91.
- Zimmerman, B.J. (2002). Becoming Learner: Self-Regulated Overview. *Theory into Practice, 41*(2), 64-70. http://doi.org/10.1207/s15430421tip4102_2